

## Analisis perbandingan mata pelajaran Sejarah di Malaysia dan Finland

*Comparative analysis of History subjects in Malaysia and Finland*

Nur Syahida Shafiron<sup>1</sup>, Siti Noranizahhafizah Boyman<sup>2\*</sup> & Nooraziela Razak<sup>3</sup>  
<sup>1,2,3</sup> Jabatan Pengajian Malaysia, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris,  
35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia  
\*Email: [noranizah@fsk.upsi.edu.my](mailto:noranizah@fsk.upsi.edu.my)

**Published:** 15 December 2023

**To cite this article (APA):** Shafiron, N. S., Boyman, S. N., & Razak, N. (2023). Analisis perbandingan mata pelajaran Sejarah di Malaysia dan Finland. *Perspektif Jurnal Sains Sosial Dan Kemanusiaan*, 15, 106–121. <https://doi.org/10.37134/perspektif.vol15.sp.9.2023>

**To link to this article:** <https://doi.org/10.37134/perspektif.vol15.sp.9.2023>

### **Abstract**

*This article discusses the comparison of History subjects in Malaysia and Finland by focusing its analysis of the development of History subjects in both countries and comparing the objectives and goals of History in the context of political education. Therefore, a qualitative approach by using document analysis from secondary sources such as books, journals, and newspapers is employed to thoroughly examine the differences in History subjects in both countries. The findings indicate that the goals and objectives of History subjects in Finland place a greater emphasis on political education. This can be observed in the National Core Curriculum for Basic Education (2014) for history and social studies, designed to promote students' understanding of the social, cultural, and political aspects shaping the world, while also developing critical and analytical thinking. In contrast, in Malaysia, the objectives and goals of the subject focus more on understanding Malaysian society, the nation, and the world, historical events, promoting unity, applying historical thinking skills, and applying Higher Order Thinking Skills (KBAT). Overall, in the effort to encourage political education through History subjects, curriculum improvements for History subjects should be implemented to produce citizens who are knowledgeable in history and democratic. Consequently, Malaysia can take examples from advanced countries like Finland as best practices for implementing History subjects according to the Malaysian context and environment.*

**Keywords:** Comparative analysis, history subjects, Malaysia, Finland, political education.

### **Abstrak**

Artikel ini membincangkan tentang perbandingan mata pelajaran Sejarah di Malaysia dan Finland dengan memfokuskan analisisnya kepada perkembangan mata Pelajaran Sejarah di kedua-dua negara dan membandingkan objektif dan matlamat Sejarah dalam konteks pendidikan politik. Oleh itu, pendekatan kualitatif dengan menggunakan analisis dokumen dari sumber sekunder seperti buku, jurnal dan akhbar digunakan bagi meneliti secara menyeluruh dengan lebih mendalam perbezaan mata pelajaran Sejarah di kedua-dua negara. Hasil kajian menunjukkan bahawa matlamat dan objektif mata pelajaran sejarah di Finland lebih menekankan kepada pendidikan politik. Perkara ini dapat dilihat dalam *National Core Curriculum for Basic Education* (2014) kurikulum sejarah dan pengajian sosial yang dirancang bagi mempromosikan pemahaman pelajar berkaitan sosial, budaya serta politik yang membentuk dunia di samping mengembangkan pemikiran kritis dan analitik. Berbeza dengan Malaysia, objektif dan matlamat mata pelajaran di Malaysia lebih menekankan tentang kefahaman mengenai masyarakat, negara Malaysia dan dunia, peristiwa lalu, kepentingan mengamalkan semangat perpaduan, mengaplikasikan kemahiran pemikiran sejarah dan mengaplikasikan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). Secara keseluruhannya, dalam usaha untuk menerapkan pendidikan politik menerusi mata pelajaran sejarah, penambahbaikan kurikulum mata pelajaran sejarah haruslah dilaksanakan agar dapat melahirkan warganegara yang celik sejarah dan berdemokratik. Implikasinya, Malaysia boleh mengambil contoh negara-negara maju seperti Finland sebagai praktis terbaik untuk melaksanakan mata Pelajaran Sejarah mengikut corak dan suasana Malaysia.

**Kata kunci:** Analisis perbandingan, mata pelajaran Sejarah, Malaysia, Finland, pendidikan politik.

## PENGENALAN

Malaysia merupakan negara unik kerana sifatnya yang multi etnik dan multi budaya. Dalam konteks kepelbagaian ini, mata pelajaran sejarah memainkan peranan penting bagi menyemai semangat *esprit de corp* yang bermaksud perasaan setia dalam semangat berkumpulan. Mata Pelajaran sejarah mempunyai kaitan rapat dengan penyatuan etnik yang berbilang bangsa di Malaysia kerana ia dijadikan sebagai set rujukan berkaitan peristiwa negara (Mansor & Khairul Ghufran, 2015). Selain itu, mata pelajaran sejarah merupakan elemen penting yang berfungsi sebagai nadi kepada penekanan nilai kewarganegaraan dan patriotisme dalam masyarakat. Bukan itu sahaja, mata pelajaran sejarah juga berfungsi sebagai pengajaran kebudayaan dan warisan. Ini kerana melalui mata pelajaran Sejarah, seseorang individu dapat mengenali keperibadian yang menjadi asas kepada kewujudan warganegara yang sihat (Tan, 1997).

Oleh itu, Finland dipilih sebagai negara untuk dibandingkan dengan Malaysia kerana Finland telah memperkenalkan mata pelajaran sejarah seawal tahun 1874 (Rautiainen et al., 2019). Selain itu, kurikulum Sejarah Finland lebih mementingkan keupayaan pelajar dalam membina, menilai secara kritis maklumat dan memahami tentang sejarah (Finnish National Agency for Education, 2016). Seterusnya, merujuk Indeks kestabilan politik pada tahun 2021, Finland berada pada kedudukan teratas iaitu pada tangga ke-26, berbanding Malaysia yang berada pada tangga ke-89 (The Global Economy, 2021). Melalui indeks kestabilan politik yang ditunjukkan, maka dapat dilihat bahawa mata pelajaran Sejarah dan Pengajian Sosial yang diterapkan kepada warganegara mampu untuk mempengaruhi kestabilan politik di sesebuah negara. Hal ini disokong oleh kajian Carie dan James (2022) yang menyatakan bahawa melalui pendedahan tentang mata pelajaran Sejarah dan Pengajian Sosial dapat melahirkan masyarakat yang peka dan aktif melibatkan diri dalam proses demokrasi kerana ia membawa pengaruh kepada dunia. Kajian Børhaug (2008) menunjukkan bahawa kebanyakan negara demokrasi menggunakan institusi bagi memberi pendedahan berkaitan pengetahuan politik kepada warganegara mereka.

Maka, tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti perkembangan mata Pelajaran Sejarah di Malaysia dan Finland, serta membuat perbandingan matlamat dan objektif mata pelajaran ini dalam konteks pendidikan politik di kedua-dua negara. Kajian ini dilaksanakan berikutan terdapat kajian lepas yang menyatakan bahawa terdapat kelemahan dalam pengajaran mata pelajaran Sejarah di Malaysia. Hal ini disokong oleh kajian Mohd Samsudin dan Shahizan (2012), dan Aidah et al., (2021) yang menyatakan bahawa terdapat kelemahan dari aspek penggunaan sumber dan perkembangan profesional oleh guru-guru Sejarah di mana ramai dalam kalangan guru-guru ini menggunakan bahan pengajaran yang sama.

## PERKEMBANGAN MATA PELAJARAN SEJARAH DI MALAYSIA

Dalam konteks Malaysia, mata Pelajaran Sejarah atau nama lainnya ialah Tawarikh telah wujud dan mula diajar semasa perang dunia pertama. Mata pelajaran ini telah diperkenalkan pada tahun 1918 di Maktab Melayu Melaka yang juga merupakan maktab perguruan seperti Maktab Perguruan Sultan Idris (Tan, 1997). Namun, pada tahun 1916, pihak pemerintah Inggeris telah melantik R.O Winstedt sebagai Penolong Pengarah Pelajaran yang berkhidmat di sekolah-sekolah di Tanah Melayu. Menurut Windstedt (dalam Norlida et al., 2012), mata pelajaran Sejarah adalah berbahaya kerana Sejarah akan menimbulkan kesedaran dalam kalangan masyarakat tempatan dan menganggap sejarah dari masyarakat Melayu ialah hanyalah dongeng semata-mata.

Rentetan dari peristiwa Rusuhan Kaum 1969, maka, semakan semula sukanan pelajaran Sejarah telah dilaksanakan pada tahun 1973. Antara peristiwa yang mendorong kepada penyemakan semula sukanan ini adalah disebabkan oleh penggubalan Rukun Negara, Persidangan Kongres Kebudayaan Malaysia pada Ogos 1971 serta Seminar Sejarah Malaysia I dan II pada sekitar tahun 1973 dan 1974 yang dianjurkan oleh Persatuan Sejarah Universiti Kebangsaan Malaysia. Melalui seminar ini juga, mata Pelajaran Sejarah telah diberi nafas baru ke arah penggubalan sukanan pelajaran yang lebih baik (Tan, 1997).

Sukatan pelajaran Sejarah ini semakin berkembang seiring dengan dasar baru yang lebih dinamik berdasarkan Laporan Kabinet pada tahun 1979. Hasil dapatan menunjukkan terdapat satu reformasi pendidikan digembleng bagi membawa negara dalam mencapai kemakmuran dari aspek akademik, politik dan ekonomi (Tan, 1997). Pada tahun 1989, selaras dengan pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM), mata pelajaran Sejarah telah dijadikan sebagai mata pelajaran teras dan wajib dipelajari oleh semua pelajar di sekolah menengah (Zuraini et al., 2011). Namun kini, mata pelajaran Sejarah ini telah diwajibkan juga kepada pelajar sekolah rendah.

Selain itu, mata pelajaran Sejarah merupakan elemen penting dalam memupuk dan mengukuhkan kesetiaan kepada negara serta berfungsi sebagai identiti warganegara Malaysia. Melalui mata pelajaran Sejarah yang diterapkan, ia dapat memberi pendedahan kepada pelajar tentang cara untuk mereka memahami kepelbagaiannya masyarakat di Malaysia dan peristiwa-peristiwa penting agar dapat mewujudkan elemen perpaduan di Malaysia (Mahira et al., 2019). Matlamat pengajaran Sejarah adalah untuk memupuk dan memperkuatkannya semangat kesetiaan kepada negara dan bangsa. Bagi jangka masa pelaksanaan mata Pelajaran Sejarah, kurikulum sekolah rendah tahap dua telah diperuntukkan selama 1 jam seminggu bersamaan dengan 32 jam setahun. Umur bagi peringkat ini adalah melibatkan pelajar 10 hingga 12 tahun. Manakala, bagi sekolah menengah pula masa yang diperuntukkan ialah selama 2 jam seminggu bersamaan dengan 64 jam setahun. Umur bagi peringkat ini adalah melibatkan pelajar 13 hingga 17 tahun (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2019).

## PERKEMBANGAN MATA PELAJARAN SEJARAH DI FINLAND

Finland merupakan sebuah negara yang terletak di Utara Bulatan Artik dan ianya merupakan sebuah negara yang bersempadan dengan Rusia dan Sweden. Jumlah populasi yang dicatatkan adalah seramai 5.4 juta penduduk. Selain itu, Finland menggunakan dua bahasa rasmi iaitu bahasa Finland dan bahasa Sweden. Bahasa Finland adalah salah satu bahasa daripada kumpulan Ugrian dan Finno dan data mencatatkan sebanyak 93.5 peratus masyarakat Finland menggunakan bahasa Finland untuk dituturkan sebagai bahasa harian. Manakala, data lain menunjukkan sekitar 6 peratus daripada masyarakat Finland menggunakan bahasa Sweden sebagai bahasa ibunda mereka dan kedua-dua bahasa ini digunakan dalam bidang pentadbiran dan pendidikan (Ministry of Economic Affairs and Employment of Finland, 2022).

Sistem pendidikan di Finland diuruskan oleh Kementerian Pendidikan dan Kebudayaan (*Ministry of Education and Culture*) dan ianya dikelola oleh agensi pakar kebangsaan yang dikenali sebagai Lembaga Pendidikan Kebangsaan Finland (*The Finnish National Board of Education*). Menurut Mahmud (2013) revolusi sistem pendidikan Finland bermula seawal tahun 1968 apabila kerajaan memutuskan untuk menghapuskan sistem pendidikan berperingkat (*Parallel School System/PSS*) dan menggantikannya dengan sistem pendidikan asas kebangsaan selama 9 tahun. Setiap tahun sistem pendidikan di Finland telah berkembang dari pendidikan yang biasa kepada pendidikan yang berprestasi tinggi dalam penilaian antarabangsa.

Finland mula menjadi fokus dunia apabila pada tahun 2000 mereka berjaya memperoleh keputusan cemerlang dalam *Programme for International Student Assessment* (PISA) yang diterajui oleh *Organization for Economic Co-operation and Development* (OECD) (Nik Rafidah & Roslinda, 2022). Namun, Finland bukan sahaja pakar dalam bidang Sains dan Matematik, malah juga dalam bidang Sejarah dan Pengajian Sosial. Hal ini dapat disokong oleh Schulz et al. (2016) yang menyatakan bahawa pelajar di Finland menunjukkan prestasi yang sangat memberangsangkan dalam kajian Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan Antarabangsa (IICS) pada tahun 2016.

Melihat kepada konteks mata pelajaran Sejarah di Finland, mata pelajaran ini dikenali sebagai '*historia ja yhteiskuntaoppi*' yang merujuk kepada penggabungan mata pelajaran Sejarah dan kajian Sosial pada tahun 1990-an (Lofstrom, 2019). Kurikulum '*historia ja yhteiskuntaoppi*' telah disemak beberapa kali dan diperbaharui dalam beberapa dekad kebelakangan ini. Pembaharuan ini bertujuan untuk mengemas kini kandungan mata pelajaran, meningkatkan kaedah pengajaran, dan menyelaraskan subjek ini dengan perubahan keperluan masyarakat (Rantala & Soivio, 2020). Misalnya, sekitar awal abad ke-20, mata pelajaran ini lebih tertumpu kepada pengetahuan tentang sejarah Finland sahaja (Virta, 2014). Namun, pada tahun 2014, Lembaga Pendidikan Nasional Finland telah menyemak semula

kurikulum untuk pendidikan asas, yang merangkumi perubahan pada mata pelajaran '*historia ja yhteiskuntaoppi*'. Mata pelajaran ini telah memberi penekanan lebih kepada isu global, kewarganegaraan dan pemikiran kritis. Kurikulum yang disemak juga memperkenalkan tema dan topik baru, seperti pembangunan lestari, literasi media, dan keusahawanan (Virta, 2014; Rantala & Soivio, 2020).

Di Finland, mata pelajaran Sejarah bertujuan untuk mengembangkan kesedaran dan pengetahuan pelajar mengenai budaya, memberi pemahaman yang komprehensif mengenai sejarah dan masyarakat, dan untuk melengkapkan mereka dengan kemahiran yang diperlukan untuk berpartisipasi dalam masyarakat sebagai warganegara yang berpengetahuan dan bertanggungjawab (Lofstrom, 2019). Selain itu, ianya direka untuk memberi pemahaman yang mendalam kepada pelajar tentang aspek sosial, budaya dan politik yang membentuk dunia. Mata pelajaran Sejarah dan kajian Sosial di Finland juga memberi peluang kepada pelajar untuk menjadi warganegara yang bertoleransi, berdemokratik melalui pendedahan kepada penglibatan sivik dan proses demokrasi, di samping menekankan tentang cara untuk mengembangkan pemikiran kritis dan analitis (Finnish National Board of Education, 2016).

Mata pelajaran Sejarah dan kajian Sosial yang diajar di Finland adalah berdasarkan kepada beberapa tema. Antara temanya ialah manusia dalam perubahan persekitaran dan masyarakat, hubungan antarabangsa pada abad ke 20 dan 21 serta sejarah kemerdekaan Finland (Finnish National Board of Education, 2016). Selain itu, topik utama yang dibahas dalam '*historia ja yhteiskuntaoppi*' di Finland adalah sejarah, kajian sosial, kewarganegaraan, masyarakat, politik dan budaya. Kurikulum ini juga menggariskan tujuan dan isi mata pelajaran yang merangkumi perkembangan kesedaran sejarah pelajar, pengetahuan tentang budaya, dan pemahaman masyarakat dan kewarganegaraan. Seterusnya, pendekatan yang digunakan untuk menyampaikan pengajaran adalah bebas di mana guru dibenarkan menggunakan kaedah pengajaran dan pemikiran pedagoginya sendiri tanpa terikat dengan kurikulum (Rautianen et al., 2019).

Menurut Finnish National Board of Education (2016), kurikulum Sejarah Finland lebih mementingkan keupayaan pelajar untuk membina semula maklumat, menilai secara kritis maklumat dan memahami tentang sejarah. Hal ini disokong oleh Indeks Sistem Pendidikan 20 negara terbaik di dunia pada 2022, Finland berada pada kedudukan ke-8 (United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization, 2022). Selain itu, Indeks Demokrasi tahun 2021 juga menunjukkan Finland berada pada kedudukan ke-3 berbanding 167 negara (The Economist Intelligence Unit, 2021).

Kesimpulannya, kurikulum '*historia ja yhteiskuntaoppi*' telah mengalami perubahan dari masa ke semasa sebagai tindak balas kepada keperluan masyarakat dan matlamat pendidikan. Mata pelajaran ini telah mengalihkan fokus dan kaedah pengajaran mereka untuk mempersiapkan pelajar dengan lebih baik sebagai warganegara yang berpengetahuan dan bertanggungjawab.

## SOROTAN LITERATUR

Bagi mendapatkan gambaran awal tentang kajian ini, beberapa penulisan terdahulu yang berkaitan dengan Pendidikan Sejarah telah dipilih. Secara amnya pengkaji telah menemui beberapa buah buku, tesis, dan artikel yang sedikit sebanyak menyentuh tentang tajuk ini. Bagi mendapatkan hasil kajian yang baik, pemantapan sorotan literatur perlulah diutamakan. Oleh itu, sorotan literatur telah dibahagikan kepada tiga tema utama, iaitu kajian kurikulum mata pelajaran Sejarah di Malaysia dan Finland, kajian Pengajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) mata pelajaran Sejarah di Malaysia dan Finland serta pedagogi mata pelajaran Sejarah di Malaysia dan Finland. Pembahagian tiga tema ini adalah untuk menerokai penulisan awal tentang mata pelajaran Sejarah, khususnya tentang matlamat dan objektif pelaksanaan mata pelajaran dan perbandingan pedagogi.

### Kajian Kurikulum Mata pelajaran Sejarah di Malaysia dan Finland

Antara kajian yang meneliti tentang kurikulum mata pelajaran Sejarah di Malaysia ialah Tan (1997) yang melihat sejauh mana pernyataan hasrat, ideologi dan pengetahuan kraf profesional guru mempengaruhi pelaksanaan kurikulum Sejarah di dalam bilik darjah. Hasil kajian menunjukkan bahawa ideologi, pengetahuan kraf profesional guru serta hasrat peribadi guru mempengaruhi pelaksanaan

kurikulum Sejarah di dalam bilik darjah dan kajian juga menunjukkan bahawa terdapat jurang antara kurikulum yang dihasratkan dengan yang beroperasi. Seterusnya, Rodzi (2009) membincangkan tentang mata pelajaran Sejarah dan kepentingannya sebagai mekanisme pengukuhan negara-bangsa Malaysia. Hasilnya, menunjukkan bahawa terdapat pertikaian sukanan mata pelajaran Sejarah yang dikenal pasti sebagai penyumbang kepada kegagalan untuk memupuk semangat nasionalisme. Antaranya ialah kelemahan kaedah pengajaran dan pembelajaran, kekangan sukanan mata pelajaran dan tumpuan keterlaluan kepada peperiksaan. Selain itu, Mohd Samsudin dan Shahizan (2012) menganalisis kejayaan dan kegagalan Pendidikan Sejarah di beberapa negara maju, kandungan buku Sejarah Tingkatan Lima, kerelevan sejarah Malaysia dan masalah berkaitan dengan pengajaran subjek Sejarah di sekolah. Hasil kajian mendapati penggunaan kaedah yang betul dapat memenuhi matlamat pembelajaran, di samping kandungan buku teks sejarah perlu disemak semula serta perlu dipelbagaikan kaedah penyampaianya. Sama juga dengan kajian Ahmat (2014) yang meneliti tentang perancangan kurikulum, kandungan sukanan pelajaran Sejarah. Hasil kajian menunjukkan bahawa mata pelajaran Sejarah bagi negara multi etnik seperti Malaysia perlu diberikan lebih perhatian dalam memperbaiki kandungan buku teks agar penyatuhan sesama warganegara dapat dipupuk. Akhir sekali, Nurhijrah et al., (2021) mengkaji tentang kaedah yang digunakan oleh guru pelatih Sejarah dalam menerapkan nilai patriotisme kepada murid sekolah rendah serta cabaran pelaksanaannya. Hasilnya mendapati bahawa penerapan nilai patriotisme diterapkan melalui aktiviti pembelajaran, penjelasan nilai, penegasan nilai, penyisipan nilai, latihan dan soal jawab serta melalui contoh teladan yang baik. Antara cabaran yang dihadapi oleh peserta kajian dalam menerapkan nilai patriotisme ialah masa pengajaran yang terhad, mengutamakan penyampaian kandungan isi pelajaran, aktiviti pembelajaran nilai patriotisme kurang pelbagai, gangguan karenah murid serta pengaruh luaran.

Melalui hasil analisis sorotan literatur didapati kajian-kajian berkaitan kurikulum mata pelajaran Sejarah di Malaysia menunjukkan bahawa terdapat hubung kait di antara isi kandungan buku teks Sejarah, kaedah penyampaianya dengan kurikulum. Ini kerana nilai patriotisme dan kefahaman generasi muda tentang sejarah negara dapat dipertingkatkan sekiranya penyampaian mata pelajaran ini disampaikan dengan lebih menarik dan berkesan.

Sebaliknya, terdapat beberapa kajian yang meneliti tentang kurikulum mata pelajaran Sejarah di Finland. Antaranya kajian Virta (2014) yang mengkaji tentang kurikulum mata pelajaran Sejarah dan Pengajian Sosial di Finland. Dapatan menunjukkan bahawa perkembangan kognitif berada pada tahap yang baik, namun, penilaian kebangsaan menunjukkan terdapat masalah dalam kemahiran yang berkaitan dengan pembelajaran Sejarah dan Pengajian Sosial. Selain itu, kajian Kop (2017) bertujuan untuk menganalisis program teras negara Finland sebagai model kepada negara Turki. Hasilnya mendapati bahawa program teras di Finland berhasil melengkapkan belia dengan pengetahuan dan kemahiran dalam kehidupan. Di samping itu, kajian Rautiainen et al., (2019) meneliti tentang kesan perubahan kurikulum mata pelajaran Sejarah ke atas kaedah pengajaran di sekolah. Hasilnya menunjukkan bahawa guru-guru di Finland menyatakan bahawa pengajaran Sejarah adalah tidak berkait dengan kaedah pengajaran kerana mereka masih mengamalkan cara pengajaran yang lama. Sama juga dengan kajian Mahira et al., (2019) yang meneliti perbandingan kurikulum mata pelajaran Sejarah di tiga buah negara iaitu Malaysia, Finland dan Turki. Hasil kajian menunjukkan bahawa kurikulum Pendidikan Sejarah di Malaysia, Finland dan Turki mempunyai persamaan dari aspek matlamat, cabaran dan kaedah.

Melalui hasil analisis sorotan literatur, didapati kajian-kajian berkaitan kurikulum mata pelajaran Sejarah di Finland mendapati bahawa terdapat masalah tahap pengetahuan dalam kalangan pelajar perempuan berkaitan kemahiran pembelajaran Sejarah dan Pengajian Sosial di Finland, dan didapati pengajaran Sejarah Finland di sekolah menengah agak sedikit mencabar kerana ia amat memerlukan kaedah pengajaran yang berpusatkan pelajar untuk memastikan penyampaian ilmu yang lebih berkesan. Namun, mata pelajaran Sejarah dan Pengajian Sosial di Finland telah berhasil melengkapkan pelajarnya dengan pengetahuan kemahiran dalam kehidupan.

## Kajian Pengajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) Mata Pelajaran Sejarah di Malaysia dan Finland

Antara kajian yang mengkaji tentang Pengajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) mata pelajaran Sejarah di Malaysia ialah Tang (2005) yang membincangkan berkaitan keupayaan pelajar dalam mengingat fakta-fakta Sejarah dengan menggunakan kaedah mnemonik. Hasil kajian mendapati kaedah mneumonik dapat membantu pelajar untuk mengingat fakta Sejarah dengan lebih berkesan dan juga memudahkan pelajar membuat ulang kaji, selain daya kreativiti pelajar juga dapat dicungkil. Selain itu, Ahmad Farid (2019) mengkaji tentang penggunaan laman web “SejarahNet” dalam membantu pelajar menguasai tajuk Parameswara sebagai pengasas Melaka. Hasil kajian menunjukkan bahawa penggunaan laman web “SejarahNet” berjaya meningkatkan amalan PdPc guru. Kajian juga menunjukkan bahawa bahan pengajaran berasaskan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) dapat membantu penguasaan murid dan meningkatkan amalan PdPc guru dalam mata pelajaran Sejarah. Seterusnya, kajian Ritchie et al., (2021) meneliti tentang kesan pengintegrasian permainan media *Word Wall* terhadap minat, motivasi dan pencapaian pelajar sekolah menengah dalam mata pelajaran Sejarah. Hasil kajian mendapati penggunaan permainan *Word Wall* dalam PdPC Sejarah telah menarik minat dan sikap murid untuk belajar mata pelajaran Sejarah, selain telah berjaya meningkatkan motivasi intrinsik pelajar untuk mempelajari Sejarah. Akhir sekali, kajian Nurul Hafizah et al., (2022) membincangkan tentang persepsi pelajar pintar dan berbakat terhadap penggunaan filem dalam Pembelajaran dan Pemudahcaraan (Pdpc) mata pelajaran Sejarah. Hasil kajian mereka mendapati bahawa penggunaan filem dalam PdPc telah memberikan kesan yang memberangsangkan kepada pelajar dalam mempelajari Sejarah.

Melalui hasil analisis sorotan literatur didapati kajian berkaitan Pengajaran dan Pemudahcaraan (Pdpc) mata pelajaran Sejarah di Malaysia menunjukkan terdapat hubung kait di antara peningkatan prestasi pelajar dengan penggunaan inovasi yang digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Selain itu, ia juga dapat meningkatkan minat serta motivasi pelajar untuk mendalami mata pelajaran Sejarah dan dapat meningkatkan kualiti pengajaran guru.

Terdapat beberapa kajian yang meneliti tentang Pengajaran dan Pemudahcaraan (Pdpc) mata pelajaran Sejarah di Finland. Antaranya ialah Rantala (2012) yang membincangkan tentang bagaimana remaja di Finland memahami sejarah. Hasil kajian menunjukkan bahawa pengetahuan pelajar didapati sesuai dengan kurikulum dan objektif yang ada sekarang. Selain itu, kajian Pollari et al., (2018) meneliti tentang cara pembelajaran dan pengajaran di Finland. Hasil kajian mereka mendapati guru di Finland mempunyai kelayakan yang tinggi dan mempunyai sikap profesional dalam menyalurkan idea bagi membangunkan bidang pendidikan. Selain itu, kajian Rautiainen et al., (2019) meneliti tentang perubahan dalam objektif kurikulum mata pelajaran Sejarah yang dibuat di peringkat menengah atas dan bagaimana ia memberi kesan kepada pengajaran guru di Finland. Hasil kajian mendapati terdapat pelbagai teknik pengajaran dan pemudahcaraan yang digunakan dalam mengajar mata pelajaran Sejarah di Finland. Namun, guru lebih banyak menggunakan kaedah inklusif seperti bertanya dan berbincang persoalan dengan pelajar.

Oleh itu, hasil analisis sorotan literatur didapati kajian berkaitan Pengajaran dan Pemudahcaraan (Pdpc) mata pelajaran Sejarah di Finland menunjukkan bahawa melalui pembaharuan kurikulum Sejarah dan ujian Sejarah peringkat kebangsaan yang dijalankan telah membantu dalam mengukur penguasaan pelajar. Secara tidak langsung, ia telah menunjukkan keberkesanan PdPc yang digunakan oleh guru-guru di Finland.

## Kajian Pedagogi Mata Pelajaran Sejarah Di Malaysia Dan Finland

Antara kajian yang mengkaji tentang pedagogi mata pelajaran sejarah di Malaysia ialah Anuar et al., (2009) yang membincangkan berkaitan hubungan pengajaran guru Sejarah dengan pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Sejarah dari perspektif pelajar berprestasi rendah. Hasil kajian mereka mendapati perlu adanya usaha untuk mencari pendekatan yang lebih baik bagi guru Sejarah memperbaiki dan mempelbagaikan kemahiran mengajar untuk melahirkan murid yang cemerlang dalam mata pelajaran Sejarah. Seterusnya, kajian Nur Syazwani et al., (2021) meneliti berkaitan kaedah pembelajaran Sejarah dengan mengambil kira peningkatan prestasi serta minat pelajar. Hasil dapatan menunjukkan bahawa penggunaan multimedia dalam mata pelajaran Sejarah telah memperlihatkan bahawa pelajar berperanan

sebagai pembina pengetahuan dan mereka bertindak secara aktif dalam melakukan aktiviti pembelajaran. Selain itu, Muhammad Ayisy dan Mohd Ashraf (2019) membincangkan tentang tahap kesediaan pelaksanaan pengajaran abad ke-21 dalam kalangan guru pelatih Sejarah IPG zon selatan. Hasil kajian mereka menunjukkan kesediaan pelaksanaan pengajaran abad ke-21 dalam kalangan guru pelatih Sejarah semester 6 dan 8 berada pada tahap tinggi bagi ketiga-tiga aspek iaitu pengetahuan, kemahiran dan sikap. Di samping itu, kajian Niveetha et al., (2021) meneliti tentang tahap pendekatan kepelbagaian pengajaran dari aspek penyampaian, pedagogi, alat bantu mengajar dan peneguhan dalam pengajaran Sejarah berdasarkan persepsi pelajar. Hasil kajian mendapati bahawa tahap pendekatan kepelbagaian pengajaran guru dari aspek penyampaian pengajaran, penggunaan alat bantu mengajar (ABM), pelaksanaan pedagogi dan pemberian peneguhan berada pada aras yang sederhana tinggi dan tinggi. Akhir sekali, kajian Aidah et al., (2021) memfokuskan kepada tahap kompetensi guru daripada aspek pengetahuan isi kandungan Sejarah, menilai pengetahuan pedagogi guru Sejarah dalam aspek pengetahuan isi kandungan Sejarah dan penerapan amalan empati Sejarah dalam diri pelajar sekolah menengah. Hasil kajian mendapati bahawa kepelbagaian teknik guru dalam mencipta idea baharu, melaksana dan berkomunikasi dengan murid secara berkesan serta aspek pemikiran kreatif adalah sangat penting dalam proses pengajaran Sejarah.

Melalui analisis sorotan literatur didapati kajian tentang pedagogi mata pelajaran Sejarah di Malaysia menunjukkan bahawa kepelbagaian pendekatan pengajaran guru dari aspek penyampaian pengajaran, penggunaan alat bantu mengajar (ABM), pelaksanaan pedagogi mampu memupuk pelbagai kemahiran baru, meningkatkan motivasi dan minat serta meningkatkan pencapaian pelajar. Oleh itu, jelaslah bahawa guru berperanan penting dalam memilih kaedah pengajaran yang bersesuaian dengan kehendak pelajar sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran bagi memastikan objektif pengajaran dan pembelajaran dapat dicapai seiring dengan pembelajaran abad ke-21.

Kajian berkaitan pedagogi mata pelajaran Sejarah di Finland ialah Sakki & Anna-Maija (2019) yang membincangkan tentang matlamat pengajaran Sejarah di Finland. Hasil kajian mereka mendapati bahawa pengajaran Sejarah di Finland adalah penting kerana ia merupakan medium yang dapat memberi pengetahuan kepada orang muda untuk menjadi warganegara yang demokratik. Seterusnya, kajian Tallavaara & Rautiainen (2020) meneliti tentang kepentingan pengajaran mata pelajaran Sejarah di Finland. Hasil menunjukkan bahawa di Finland menekankan kepentingan motivasi untuk pelajar mendalami mata pelajaran Sejarah. Ini kerana mereka amat menekankan tentang pembinaan dan penilaian pengetahuan Sejarah dalam pelbagai aspek seperti hak asasi manusia, demokrasi, kerjasama antarabangsa, kesaksamaan dan strategi mengatasi cabaran dunia. Di samping itu, kajian Soiminen (2022) membincangkan tentang amalan pengajaran yang digunakan oleh guru Sejarah di Finland. Hasil kajian menunjukkan bahawa semua guru menggunakan pelbagai kaedah untuk membantu pelajar memahami sejarah. Di samping itu, guru-guru amat menekankan tentang pengetahuan sejarah dengan menggunakan sumber sebagai bukti.

Melalui analisis sorotan literatur didapati kajian tentang pedagogi mata pelajaran Sejarah di Finland menunjukkan bahawa guru-guru di Finland menekankan tentang kemahiran sejarah dan aspek kewarganegaraan seperti yang terkandung dalam kurikulum Sejarah. Ini kerana Sejarah adalah berkaitan dengan Pengajian Sosial. Maka, guru Sejarah digalakkan menggunakan pendekatan yang komprehensif dalam memberi pengetahuan tentang kandungan, pemahaman dan pembinaan pengetahuan Sejarah yang berorientasikan pelajar bagi memenuhi keperluan kurikulum Sejarah di Finland.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif menerusi analisis sumber sekunder seperti buku, jurnal dan maklumat dari internet bagi meneliti secara mendalam perbezaan mata pelajaran Sejarah di Malaysia dan Finland. Pendekatan kualitatif lebih bersifat subjektif kerana ianya bertujuan untuk meneroka, memahami, menerangkan, serta menjana sesuatu fonemena ataupun kejadian. Levitt et al., (2017) juga mengatakan bahawa, “*Qualitative research is inductive in nature, and the researcher generally explores meanings and insights in a given situation*”. Selain itu, data melalui pendekatan kualitatif adalah berbentuk deskriptif yang berupa kata-kata lisan ataupun tulisan tentang tingkah laku

manusia yang dapat pengkaji amati (Taylor & Bogdan, 1984). Penggunaan kaedah analisis dokumen telah lama digunakan untuk menganalisis pelbagai jenis dokumen antaranya ialah buku, artikel surat khabar, artikel jurnal akademik serta laporan (Morgan, 2021). Selain itu, menurut Merriam & Tisdell (2016), dokumen merupakan istilah yang digunakan untuk merujuk pelbagai bahan seperti sumber visual, seperti gambar dan juga video.

Walau bagaimanapun, kajian ini tidak menggunakan sebarang perisian komputer seperti ATLAS.ti dan Nvivo untuk menjalankan analisis kajian. Ini kerana menurut Krippendorff (2004), komputer tidak mampu untuk menggantikan kebolehan manusia untuk membaca, mentranskrip serta menterjemah bahan yang berbentuk tulisan. Pernyataan ini juga dikukuhkan melalui sokongan White & Marsh (2006) yang menyatakan bahawa komputer lebih sesuai digunakan sebagai alat carian bahan kajian.

## DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

### Perbandingan Mata Pelajaran Sejarah di Malaysia dan Finland

Kurikulum pendidikan merupakan satu perkara yang signifikan bagi menjana anjakan paradigma, di samping memainkan peranan penting dalam melahirkan insan yang dinamik dalam aspek pendidikan (Mastura, 2010). Oleh itu, sebarang kurikulum yang dihasilkan haruslah jelas kepada pelajar dalam membantu memudahkan mereka mencapai tujuan pembelajaran.

Di Malaysia, mata pelajaran Sejarah merupakan mata pelajaran teras yang terkandung dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) dan wajib dipelajari oleh semua pelajar secara berterusan. Mata pelajaran Sejarah merupakan mata pelajaran yang berdiri sendiri dan ianya dilaksanakan secara bersepada meliputi aspek kandungan pengetahuan, kemahiran pemikiran sejarah, elemen kewarganegaraan dan nilai sivik (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2019). Menurut Norrizan (2003), kesepaduan yang telah dilaksanakan ini adalah selari dalam proses pengajaran dan pembelajaran Sejarah secara berterusan.

Mata pelajaran Sejarah dipelajari di peringkat sekolah rendah iaitu melibatkan pelajar tahun 4,5 dan 6. Manakala, di peringkat sekolah menengah pula bermula dari tingkatan 1 hingga tingkatan 5. Menurut Surat Pekeliling Lembaga Peperiksaan Bil. 3 (Kementerian Pendidikan Lembaga Peperiksaan, 2015) bermula tahun 2013, mata pelajaran Sejarah telah dijadikan sebagai mata pelajaran wajib lulus di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan mata pelajaran Sejarah juga diperkenalkan dalam Sijil Pelajaran Malaysia (Ulangan) bermula pada tahun 2014.

Antara kaedah pembelajaran yang dilaksanakan adalah berpandukan *standard* pembelajaran yang disepadukan kemahiran serta elemen kewarganegaraan dan nilai sivik semasa melaksanakan PdP, pendekatan berpusatkan murid dan juga pembelajaran aktif dengan mengaplikasian KBAT. Dari aspek penilaian dan pentaksiran, ia dilaksanakan melalui peperiksaan, projek, pembentangan, pemerhatian sama ada di dalam atau di luar bilik darjah. Antara topik yang dibincangkan dalam mata pelajaran ini meliputi Sejarah Malaysia, Sejarah Dunia, Sumbangan Sejarah ke arah Integrasi Kaum di Malaysia dan Sejarah Asia Tenggara (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2011).

Manakala, dalam konteks Finland, mata pelajaran Sejarah dikenali sebagai Sejarah dan Pengajian Sosial (*Historia ja yhteiskuntaoppi*) (Löfström, 2019). Menurut National Core Curriculum for Basic Education (2014), kurikulum Sejarah dan Pengajian Sosial dirancang bagi mempromosikan pemahaman pelajar berkaitan sosial, budaya serta politik yang membentuk dunia, di samping memperkembangkan pemikiran kritis dan analitik. Semasa awal abad ke 20, buat pertama kalinya mata pelajaran Pengajian Sosial diperkenalkan dalam bilik darjah dan ianya adalah sebahagian daripada kurikulum Sejarah.

Sewaktu semakan kurikulum pada tahun 1963, mata pelajaran Pengajian Sosial telah disebut sebagai mata pelajaran yang terpisah (*separate subject*). Namun kini, Pengajian Sosial adalah bergantung (*hinges on*) kepada subjek Sejarah. Dalam kurikulum kebangsaan, Sejarah didefinisikan sebagai mata pelajaran yang sesuai diintegrasikan dengan mata pelajaran lain. Hal ini adalah untuk memupuk pelajar menjadi warganegara yang demokratik dan berpengetahuan luas tentang sejarah (Estrellado & Guzman, 2022).

Pelajar di Finland mempelajari sejarah bermula di peringkat sekolah rendah iaitu bermula gred 4 hingga 6, dan kemudiannya di peringkat sekolah menengah iaitu sehingga gred 7 dan 8. Seterusnya, dari aspek kaedah pembelajaran yang dilaksanakan, guru mempunyai kebebasan dalam merancang dan melaksanakan kaedah pengajaran mereka, pendekatan berpusatkan pelajar dan guru serta menggunakan alat digital dan kaedah pengajaran interaktif dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Dari aspek penilaian dan pentaksiran pula, ia menggunakan kaedah gabungan yang terdiri daripada ujian piawai, penyertaan aktif dan penilaian pengetahuan serta kemahiran pelajar. Masa yang diperuntukan untuk mempelajari mata pelajaran Sejarah di sekolah rendah adalah selama 120 jam dan sekolah menengah 135 jam. Antara topik yang dibincangkan dalam mata pelajaran ini adalah seperti *Ancient History, General History, Social Studies, Citizenship* dan *Society Culture*. (Tallavaara & Rautiainen, 2020; Finnish National Board of Education, 2016).

**Jadual 1:** Perbandingan Mata Pelajaran Sejarah di Malaysia dan Finland

Elemen	Malaysia	Finland
Nama Mata Pelajaran	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mata Pelajaran Sejarah</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mata Pelajaran Sejarah dan Pengajian Sosial (<i>Historia ja Yhteiskuntaoppi</i>)</li> </ul>
Matlamat & Objektif	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kurikulum Sejarah bertujuan memberi kefahaman mengenai 114ea rah114n114, negara Malaysia dan dunia, peristiwa lalu, kepentingan mengamalkan semangat perpaduan, mengaplikasikan Kemahiran Pemikiran Sejarah dalam kalangan murid melalui kajian kes, mengaplikasikan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam melahirkan murid untuk bersaing di peringkat global</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kurikulum di Finland menekankan tentang (<i>History Content</i>) perkembangan, latar belakang proses 114ea rah negara Finland dan dunia, (<i>Historical Skills</i>) pengetahuan tentang masa lalu dan menilai secara kritis serta memahaminya dan (<i>Active, Democratic Citizenship</i>) membentuk pandangan dunia melalui aspek hak asasi manusia, kesaksamaan, demokrasi dan berkemampuan untuk menjadi warganegara yang bertanggungjawab</li> </ul>
Sasaran	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pelajar sekolah rendah (Tahun 4,5 &amp; 6)</li> <li>Pelajar Sekolah Menengah (Tingkatan 1 hingga 5)</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pelajar sekolah rendah (Gred 1- 6)</li> <li>Pelajar Sekolah Menengah (Gred 7-9)</li> </ul>
Kaedah Pelaksanaan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pembelajaran berpandukan standard pembelajaran dan disepadukan 114ea rah114n dan Elemen Kewarganegaraan dan Nilai Sivik semasa melaksanakan PdP</li> <li>Pendekatan berpusatkan murid</li> <li>Pembelajaran aktif (Pengaplikasian KBAT)</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Guru mempunyai kebebasan dalam merancang dan melaksanakan kaedah pengajaran mereka</li> <li>Pendekatan berpusatkan pelajar dan guru</li> <li>Penggunaan alat digital dan kaedah pengajaran interaktif</li> </ul>
Penilaian dan Pentaksiran	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pentaksiran melalui peperiksaan, projek, pembentangan, pemerhatian sama ada di dalam atau di luar bilik darjah.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Gabungan kaedah antaranya ujian piawai, penyertaan aktif dan penilaian pengetahuan serta 114ea rah114n pelajar</li> </ul>
Masa yang diperuntukan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Sekolah Rendah (Minimum 32 Jam)</li> <li>Sekolah Menengah</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Sekolah Rendah (1020 Jam)</li> <li>Sekolah Menengah</li> </ul>

	(Minimum 64 Jam)	(135 Jam)
Topik Perbincangan	<ul style="list-style-type: none"><li>• Sejarah Malaysia</li><li>• Sejarah Dunia</li><li>• Sumbangan Sejarah 115ea rah integrasi kaum di Malaysia</li><li>• Sejarah Asia Tenggara</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• <i>Ancient History</i></li><li>• <i>General History</i></li><li>• <i>Social Studies</i></li><li>• <i>Citizenship</i></li><li>• <i>Society</i></li><li>• <i>Culture</i></li></ul>

**Sumber:** Kementerian Pendidikan Malaysia (2016) dan Finnish National Board of Education (2016)

Berdasarkan kurikulum yang dihasilkan, aspek matlamat dan objektif merupakan elemen penting kerana ia menggambarkan arah tuju pelajar dalam memperoleh pengetahuan, sikap dan kemahiran baharu. Contohnya, Bloom's Taxonomy (1956) sangat membantu dalam memberi panduan bagi menghasilkan objektif pembelajaran dan ianya terdiri daripada domain kognitif (pengetahuan), psikomotor (kemahiran) dan afektif (sikap). Oleh itu, dapat dilihat bahawa objektif dan matlamat haruslah selaras dengan kurikulum kerana ia memainkan peranan yang penting dalam menghasilkan pelajar yang cemerlang. Merujuk pada Jadual 1, elemen matlamat dan objektif mata pelajaran sejarah di Malaysia adalah memfokuskan kepada pemahaman mengenai masyarakat, negara serta dunia, menekankan tentang kepentingan semangat perpaduan dalam suasana masyarakat majmuk di Malaysia, mengaplikasi kemahiran pemikiran sejarah dan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dalam melahirkan pelajar yang mampu bersaing di peringkat global. Manakala, matlamat dan objektif mata pelajaran sejarah di Finland pula adalah menumpukan kepada latar belakang sejarah negara Finland dan dunia, pengetahuan tentang masa lalu dan nilai secara kritis serta membentuk pandangan dunia melalui beberapa aspek seperti hak asasi manusia dan demokrasi bagi melahirkan lebih ramai warganegaranya yang bertanggungjawab (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2016 dan Finnish National Board of Education, 2016).

Apabila membuat perbandingan matlamat dan objektif mata pelajaran Sejarah di kedua-dua negara ini, dapat dilihat bahawa mata pelajaran Sejarah di Malaysia menekankan tentang peristiwa-peristiwa lalu dan ianya juga bertujuan memupuk semangat kesetiaan kepada negara, di samping terdapat kemahiran pemikiran sejarah dan juga kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT). Manakala, di Finland, mata pelajaran Sejarah lebih menekankan kepada penghasilan dalam mewujudkan warganegara yang bertanggungjawab. Hal ini selari dengan dapatan Torsti (2008) yang menyatakan bahawa "*The education of history is a political act*". Begitu juga dengan dapatan Karlsson (2004) dan Nordgren (2016) yang menyatakan bahawa mata pelajaran Sejarah dihubungkan dengan konsep didaktif seperti budaya sejarah, kesedaran sejarah dan penggunaan sejarah. Oleh itu, mata pelajaran Sejarah bukan hanya sekadar mempelajari peristiwa masa lalu atau fakta, tetapi ia lebih kepada perkembangan identiti peribadi dan latihan kemahiran (Mikander, 2016).

Seterusnya, aspek perbandingan kurikulum akan memfokuskan kepada penilaian melalui elemen pendidikan politik yang terkandung dalam silibus kurikulum mata pelajaran Sejarah peringkat sekolah menengah di Malaysia dan Finland. Ini kerana pendidikan di peringkat sekolah adalah aspek yang signifikan bagi pelajar untuk mendapatkan ilmu pengetahuan, sekali gus menerapkan pendidikan politik. Hal ini disokong oleh Easton dan Hess (1961) yang menyatakan bahawa semakin lama seseorang pelajar itu berada di sekolah, maka semakin banyak pengetahuan yang akan diperolehi. Di samping itu, dapatan Ahmad et al. (2013), Noviato & Mustadi (2015) dan Darmawan & Mulyana (2016) menunjukkan buku teks adalah bahan rujukan utama dalam dunia pendidikan dan kandungan buku teks mestilah berkualiti agar pelajar dapat belajar dengan lebih efektif.

Oleh itu, dapat dijelaskan di sini bahawa sekolah merupakan agen sosialisasi yang signifikan dalam usaha menerapkan pendidikan politik kepada pelajar menerusi mata pelajaran Sejarah. Bukan itu sahaja, perbandingan elemen pendidikan politik dalam silibus mata pelajaran Sejarah adalah penting. Ini kerana pelajar perlu didedahkan dengan pendidikan politik seawal yang mungkin bagi melahirkan lebih ramai warganegara yang berdemokratik. Bagi pelajar yang berada di peringkat sekolah, mereka mempunyai sikap ingin tahu yang sangat tinggi. Maka, dari situ pendedahan tentang identiti negara, landskap politik, kerajaan dan demokrasi boleh membantu mereka membina pengetahuan. Lama-kelamaan pemahaman mereka tentang negara akan berkembang sehingga satu masa mereka akan

merasa seperti diberi kuasa untuk mengubah dinamika masyarakat, negara dan dunia (Ontas et al., 2014). Jelaslah bahawa pendidikan politik mempunyai impak besar kepada masyarakat seperti dapat membantu membangunkan negara, melahirkan lebih ramai warganegara yang mempunyai nilai demokrasi seperti menghormati kepelbagaian, keadilan sosial dan juga toleransi.

**Jadual 2:** Topik dalam Kurikulum Mata Pelajaran Sejarah Peringkat Sekolah Menengah di Malaysia dan Finland

Topik Kurikulum Mata Pelajaran Sejarah di Malaysia	Topik Kurikulum Mata Pelajaran <i>Historia Ja Yhteiskuntaoppi</i> di Finland
Tema: Malaysia dan Masa Hadapan	<i>History Content</i>
Pengukuhan Kedaulatan Negara <ul style="list-style-type: none"><li>• Konsep Kedaulatan Negara</li><li>• Perlombagaan Persekutuan</li><li>• Raja Berperlombagaan dan Demokrasi Berparlimen</li><li>• Sistem Persekutuan (Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri)</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Perkembangan, latar belakang proses sejarah negara Finland</li></ul>
Pembentukan Malaysia <ul style="list-style-type: none"><li>• Gagasan Pembentukan Malaysia</li><li>• Cabaran Selepas Pembentukan Malaysia</li></ul>	<i>Historical Skills</i> <ul style="list-style-type: none"><li>• Berupaya untuk membina pengetahuan tentang masa lalu</li><li>• Menilai secara kritis pengetahuan sejarah serta memahaminya</li></ul>
Kemakmuran Negara <ul style="list-style-type: none"><li>• Membina Kesejahteraan Negara</li><li>• Membina Kemakmuran Negara</li></ul>	<i>Active, Democratic Citizenship</i> <ul style="list-style-type: none"><li>• Membentuk pandangan dunia melalui aspek hak asasi manusia, kesaksamaan, demokrasi</li><li>• Berkemampuan untuk menjadi warganegara yang bertanggungjawab</li></ul>
Malaysia di Persada Dunia <ul style="list-style-type: none"><li>• Asas Pembinaan Dasar Luar Malaysia</li><li>• Pemantapan Dasar Luar Malaysia</li><li>• Kecemerlangan Malaysia di Persada Dunia</li></ul>	<i>Society, Culture</i> <ul style="list-style-type: none"><li>• Struktur sosial, institusi dan organisasi</li><li>• Seni, kesusasteraan dan agama</li></ul>

**Sumber:** Kementerian Pendidikan Malaysia (2016) dan Finnish National Board of Education (2016)

Jadual 2 menunjukkan perbandingan topik dalam kurikulum mata pelajaran Sejarah peringkat sekolah menengah di Malaysia dan Finland. Silibus kurikulum mata pelajaran Sejarah peringkat sekolah menengah di Malaysia mempunyai empat topik utama yang dibincangkan di bawah tema Malaysia dan Masa Hadapan bermula dari pengukuhan Kedaulatan Negara, Pembentukan Malaysia, Kemakmuran Negara dan Malaysia di persada dunia. Mengambil contoh pada bahagian pertama di bawah topik pengukuhan Kedaulatan Negara, antara perkara yang dibincangkan adalah seperti konsep Kedaulatan Negara, Perlombagaan Persekutuan, Raja Berperlombagaan, Demokrasi Berparlimen dan Sistem Persekutuan (Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri). Bahagian ini menunjukkan bahawa pendedahan mengenai elemen pendidikan politik telah diberikan kepada pelajar. Perkara-perkara ini merupakan asas yang amat penting misalnya seperti perbincangan mengenai kedaulatan. Ini kerana

dalam buku bertajuk *On Sovereignty Six Books of the Commonwealth* yang ditulis oleh Bodin (1577) menegaskan bahawa kedaulatan merupakan asas kuasa tertinggi dalam sebuah negara. Kuasa ini harus diterima dan dihormati oleh semua pihak, serta tiada sesiapa pun harus melanggar kedaulatan negara ini. Maka, jelaslah bahawa pada bahagian ini ia telah membantu pelajar untuk memahami aspek politik dalam masyarakat kerana ia melibatkan pengajaran tentang struktur kerajaan, penglibatan sivik dan nilai demokrasi (Rudiger, 2020).

Bahagian kedua pula membincangkan tentang pembentukan Malaysia. Pada bahagian ini, pelajar akan didedahkan mengenai gagasan pembentukan Malaysia dan cabaran selepas pembentukan Malaysia. Seterusnya, bahagian ketiga pula ialah topik Kemakmuran Negara di mana pelajar akan didedahkan tentang cara untuk membina kesejahteraan negara dan kemakmuran negara. Kemudian, pada bahagian keempat di bawah topik Malaysia di Persada Dunia, pelajar akan diajarkan tentang asas Pembinaan Dasar Luar Malaysia, Pemantapan Dasar Luar Malaysia dan Kecemerlangan Malaysia di Persada Dunia. Elemen-elemen ini penting dalam memberi pemahaman kepada pelajar agar dapat membentuk pemikiran kritis dan pengetahuan am tentang pembentukan negara, dasar luar dan negara di peringkat global. Pendedahan elemen ini dapat memberi pengalaman yang berbeza kepada pelajar dalam mengembangkan empati dan pengetahuan mereka tentang negara.

Manakala, silibus kurikulum mata pelajaran Sejarah di peringkat sekolah menengah di Finland juga mempunyai 4 topik utama yang dibincangkan di bawah tema *History Content, Historical Skills, Active, Democratic Citizenship* dan *Society, Culture*. Mengambil contoh pada bahagian pertama di bawah topik *History Content*, antara perkara yang dibincangkan adalah seperti perkembangan serta latar belakang proses sejarah negara Finland. Pada topik ini dapat dilihat Finland lebih menekankan kepada sejarah dan identiti negara. Ini kerana sejarah dapat membantu pelajar membentuk jati diri di samping dapat menyatupadukan rakyat, memberi inspirasi kepada tadbir urus yang baik dan juga dapat membangunkan kemahiran berfikir secara kritis. Seterusnya, bahagian kedua iaitu *Historical Skills* pula merujuk kepada pembinaan pengetahuan dalam menghubungkaitkan peristiwa lalu dan kehidupan sekarang supaya dapat memupuk *critical thinking* pelajar. Seterusnya, bahagian ketiga iaitu *Active Democratic Citizenship* pula merujuk kepada pembentukan pengetahuan dalam aspek demokrasi, kesaksamaan dan hak asasi agar dapat melahirkan warganegara yang bertanggungjawab kepada negara. Bahagian keempat pula ialah *Society, Culture* yang merujuk kepada struktur sosial, agama dan seni. Mengambil contoh pada bahagian ketiga di bawah topik *Active Democratic Citizenship*, antara perkara yang dibincangkan adalah seperti pembentukan pandangan dunia melalui aspek hak asasi manusia, kesaksamaan dan demokrasi bagi membentuk warganegara yang bertanggungjawab. Bahagian ini menunjukkan bahawa pendedahan mengenai elemen pendidikan politik telah diberikan kepada pelajar. Perkara-perkara ini merupakan asas yang amat penting kerana ia memberi impak kepada penyertaan politik seperti mengundi, bertanding jawatan dalam pilihan raya, dan menyokong perubahan dasar. Penglibatan ini bukan sahaja dapat menggalakkan warganegara terlibat aktif dalam komuniti, malah ia juga akan menjadikan seseorang lebih berpengetahuan tentang senario politik semasa (Willeck & Mendelberg, 2022).

Rumusannya, melalui perbandingan topik bagi kedua-dua negara ini jelas memperlihatkan bahawa terdapat elemen pendidikan politik yang diterapkan dalam silibus mata pelajaran Sejarah di Malaysia, namun ianya belum mencukupi. Ini kerana kajian Muhammad Nurarif (2019) menyatakan bahawa pelajar hanya akan didedahkan dengan landskap pembinaan negara dan perjalanan politik Malaysia pada tingkatan 5. Pandangan ini selari dengan dapatan kajian (Mas Ayu, 2013; Fernando, 2017) yang menyatakan bahawa kurikulum buku teks Sejarah Malaysia mesti ditambahbaik kerana terdapat fakta yang boleh dipertikaikan dan ianya akan mengelirukan pelajar, di samping terdapat pengulangan tajuk serta maklumat yang terhad. Oleh itu, dalam usaha untuk menerapkan pendidikan politik menerusi mata pelajaran Sejarah, pemerkasaan mata pelajaran Sejarah haruslah dilaksanakan dengan lebih efisien. Ini kerana elemen pendidikan politik penting untuk melahirkan lebih ramai warganegara yang bertanggungjawab kerana politik adalah perkara yang sentiasa ada dalam kehidupan harian. Namun, masyarakat Malaysia pada hari ini dilihat tidak mempunyai sumber rujukan politik yang mencukupi untuk mereka memahami landskap politik negara. Maka, adalah penting elemen pendidikan politik dalam mata pelajaran Sejarah ditambahbaik selaras dengan Laporan Jawatankuasa Kabinet (1979) yang menyatakan bahawa Pendidikan Sejarah penting bagi memberi pemahaman pelajar tentang

Sejarah Negara yang merangkumi aspek politik, sosial dan ekonomi, di samping pelajar dapat menghormati nilai kepelbagaian di negara ini (Nurarif, 2019).

Seterusnya, kajian ini juga melihat aspek elemen pendidikan politik yang terkandung dalam kurikulum mata pelajaran Sejarah di Finland memberi penekanan kepada aspek kemahiran berfikir sejarah, kesedaran sejarah dari pelbagai perspektif, dan tujuannya hanyalah untuk memupuk pelajar menjadi warganegara yang demokratik. Maka, melalui mata pelajaran Sejarah, pelajar boleh dibantu untuk membentuk identiti supaya mereka lebih jelas dalam membandingkan kehidupan masa lalu dan menghubungkaitkannya dengan masa kini (Mard, 2021). Pernyataan ini disokong oleh kajian Rautiainen et al., (2019) yang menyatakan bahawa penekanan pengajaran dan pembelajaran berkaitan aspek demokrasi, hak asasi manusia, kesaksamaan dan keadilan adalah penting bagi mendepani cabaran masa kini dan hadapan. Hal ini juga selari dengan dapatan Estrellado dan Guzman (2022) yang menyatakan bahawa pembangunan program integratif di Finland dengan mengaitkan Sejarah Negara Finland dan Pengajian Sosial dapat membentuk aktiviti pembelajaran yang menekankan tentang elemen kewarganegaraan yang berhasil melahirkan pelajar yang cintakan negara.

Selain itu, menurut Rautiainen et al., (2019), pengajaran mata pelajaran Sejarah di Finland mempunyai kaitan yang kuat dengan proses pembinaan identiti nasional sejak dari tahun 1980-an. Sarjana ilmu sejarah di Finland seperti Johan Ludvig, Zachris dan Runeberg sering menulis tentang ilmu sejarah dan ianya bertujuan untuk dikongsi secara melus semasa kebangkitan nasional sekitar abad ke-1. Maka, ini jelas menunjukkan pendekatan kandungan mata pelajaran Sejarah yang digunakan oleh Finland adalah wajar. Hal ini disokong oleh Pacho (2014) yang mengemukakan bahawa mempelajari pendidikan politik akan menjadikan pelajar lebih memahami bagaimana corak pemerintahan, bagaimana ia berfungsi dan bagaimana rakyat berinteraksi dengan pemerintah. Ia juga dapat memperbaiki dan mengkritik kelemahan pentadbiran negara dengan cara yang betul dan berhemah.

## KESIMPULAN

Mata pelajaran Sejarah merupakan mata pelajaran yang mempunyai hubungan rapat dengan kelompok masyarakat. Ini kerana, menurut Rupawan (1990), masyarakat memerlukan ilmu sejarah bagi mendidik generasi muda. Namun, sekiranya kurikulum mata pelajaran Sejarah itu mempunyai isu seperti tajuk - tajuk yang berulang, persoalan mengenai kandungan buku teks Sejarah dan maklumat yang terhad, ianya harus ditangani bagi memberi pendidikan cemerlang kepada pelajar (Mohd Samsudin & Shahizan, 2012). Maka, mata pelajaran Sejarah perlu diberikan nafas baharu agar ianya lebih berkembang dan selaras dengan perkembangan dunia kini.

Dalam usaha menambahbaik silibus kurikulum mata pelajaran Sejarah di Malaysia, kajian ini menyarankan beberapa strategi ataupun pendekatan yang boleh digunakan untuk menarik minat pelajar dalam mendalami mata pelajaran Sejarah atau ilmu pendidikan politik. Antaranya ialah guru perlu memilih topik perbincangan yang menarik. Misalnya, guru perlu memilih topik yang lebih relevan ataupun lebih dekat dengan pelajar agar ia dapat menarik minat mereka. Selain itu, gunakan pendekatan seperti debat ataupun perbahasan. Ini kerana guru dapat mendorong pelajar untuk terlibat dalam perbahasan serta perbincangan mengenai isu politik, di samping dapat membantu pelajar mengembangkan kemahiran berfikir kritis, belajar menilai bukti serta dapat membentuk pendapat mereka sendiri. Seterusnya, pendidikan politik juga dapat diterapkan melalui cerita. Guru boleh menggunakan cerita dan contoh dalam mengajar tentang konsep politik kepada pelajar. Ini akan membantu pelajar memahami dan mendapat idea yang kompleks serta dapat mengaitkan dengan pengalaman mereka sendiri.

Oleh itu, bagi mewujudkan warganegara yang celik sejarah dan politik, penekanan dari sudut penambahbaikan kurikulum harus dilaksanakan dengan mengambil contoh negara-negara maju seperti Finland agar ia dapat diimplementasikan mengikut corak dan persekitaran Malaysia. Memetik kata Santayana (dalam Rodzi, 2009), "Manusia yang tidak mempelajari Sejarah, maka ia akan mengulangi kesilapan secara berulang kali".

## PENGHARGAAN

Penyelidikan ini telah dijalankan di bawah Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS/1/2021/SS0/UPSI/02/10) yang disediakan oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. Penulis juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) yang membantu menguruskan geran tersebut.

## RUJUKAN

- Ahmad Farid, A. K. (2019). Penggunaan laman web “SejarahNet” dalam membantu murid Tahun 4 menguasai tajuk Parameswara sebagai pengasas Melaka. *Jurnal Pendidikan Sains Sosial*, 2, 1-9.
- Ahmad, A. R., Awang, M. M., Seman, A. A. & Abdullah, R. B. (2013). The skills of using History textbooks in secondary school. *Asian Social Science*, 9(12), 229.
- Ahmat Adam (2014). Pendidikan Sejarah di Malaysia dewasa ini: Sejauh manakah ia relavan kepada pembinaan nasion. *Jurnal Sejarah dan Pendidikan Sejarah*, 2(1), 101-104. Retrieved from <https://journals.mindamas.com/index.php/susurgalur/article/view/78/79>.
- Aidah, E., Mohd Mahzan, A., Abdul Razaq, & Santhi Pillai. (2021). Pengetahuan Pedagogi Guru dan amalan empati Sejarah dalam kalangan pelajar sekolah menengah. *Jurnal Wacana Sarjana*, 5 (4), 1-12.
- Anuar, A., Siti Haishah, A. R., & Nur Atiqah, T. A. (2009). Tahap keupayaan pengajaran guru sejarah dan hubungannya dengan pencapaian murid di sekolah berprestasi rendah. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 34 (1), 53-66.
- Bloom's Taxonomy (1956). *Taxonomy of educational objectives: The classification of educational goals*. United States of America: Dominion of Canada.
- Bodin, J. (1577). *On sovereignty six books of the Commonwealth*. Oxford: The Kemp Hall Bindery.
- Børhaug, K. (2008). *Oppseding til demokrati: Ein studie av politisk oppseding i norsk skule* (Tidak diterbitkan tesis PhD), Universitetet i Bergen.
- Carie, J. E. & James M. M. (2022). Curriculum design and challenges of Social Studies program in Finland: A macro-perspective analysis. *Asian Journal of Research in Education and Social Sciences*, 4(4), 31-40.
- Darmawan, W. & Mulyana, A. (2016). Antara Sejarah dan Pendidikan Sejarah: Analisis terhadap buku teks pelajaran Sejarah SMA berdasarkan kurikulum 2013. *Jurnal UPI*, 5(2), 278-289.
- Easton, D, Hess, R.D (1961) . *Youth and The Political System*. New York: The Free Press of Glencoe.
- Estrellado & Guzman (2022). Curriculum Design and Challenges of Social Studies Program in Finland: A Macro-Perspective Analysis. *Asian Journal of Research in Education and Social Sciences*, 4(4), 31-40. Retrieved from <https://myjms.mohe.gov.my/index.php/ajress/article/view/20784/11286>.
- Fernando, J. M. (2017). *Penubuhan Persekutuan Malaysia dalam buku teks Sejarah Tingkatan Lima. Seminar Guru Sejarah: Pemantapan dan Pengisian Ilmu Sejarah Topik Terpilih dalam Sukatan Sejarah Tingkatan 5*. <http://eprints.um.edu.my/id/eprint/17850>.
- Finnish National Agency for Education. (2016). *Finnish National Core Curriculum for Basic Education*. Retrieved from <https://www.oph.fi/en>.
- Finnish National Board of Education (2016). *Finnish National Agency for Education*. Retrieved from <https://www.oph.fi/en>.
- Finnish National National Core Curriculum for Basic Education (2014). *National core curriculum for primary and lower secondary (basic) education*. Retrieved from <https://www.oph.fi/en/education-and-qualifications/national-core-curriculum-primary-and-lower-secondary-basic-education>
- Karlsson. (2004). Historiedidaktik: Begrepp, teori och analys. Historien är nu. *En introduktion till historiedidaktiken*, 13-66.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2011). *Surat Pekeliling Lembaga Peperiksaan Bil. 3 Tahun 2011: Pelaksanaan Mata Pelajaran Sejarah Sebagai Mata Pelajaran Wajib Lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) Mulai Tahun 2013* Retrieved from <http://lp.moe.gov.my/files/pekeliling/2011/SP%20Bil%203%202011%20Mata%20Pelajaran%20Sejarah%20Wajib%20Lulus.pdf>.
- Kementerian Pendidikan Lembaga Peperiksaan (2015). *Pelaksanaan Mata Pelajaran Sejarah Sebagai Mata Pelajaran Wajib Lulus Siil Pelajaran Malaysia*. Retrieved from <http://lp.moe.gov.my/index.php/pekeliling-surat-siaran/surat-pekeliling-lembaga-peperiksaan/226-bil-3-2011-pelaksanaan-mata-pelajaran-sejarah-sebagai-mata-pelajaran-wajib-lulus-siil-pelajaran-malaysia-spm-mulai-tahun-2013>.

- Kementerian Pendidikan Malaysia (2019). *Panduan Penguruan Mata Pelajaran Sejarah*. Retrieved from <https://www.moe.gov.my/pekeliling/4414-buku-panduan-mp-sejarah/file>.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2019). *Panduan pengurusan Mata Pelajaran Sejarah*. Retrieved from <https://www.moe.gov.my/pekeliling/4414-buku-panduan-mp-sejarah/file>.
- Krippendorff, K (2004). *Content Analysis: An Introduction to Its Methodology Second Edition*. Thousand Oaks: CA Sage.
- Levitt, H. M., Motulsky, S. L., Wertz, F. J., Morrow, S. L., & Ponterotto, J. G. (2017). Recommendations for Designing and Reviewing Qualitative Research in Psychology: Promoting Methodological Integrity. *Qualitative Psychology*, 4(1), 2–22.
- Löfström, J. (2019). A Yhteiskuntaoppi: Social studies in Finland. A country report. *JSSE - Journal of Social Science Education*, 18(4), 103–116.
- Lofstrom, J. (2019). Yhteiskuntaoppi: Social studies in Finland. A country report. *Journal of Social Science Education*, 18, 22-101.
- Mahira, M, Mohd Mahzan, A, Abdul Razaq, A., & Anuar, A. (2019). Curriculum of History education in Malaysia, Finland and Republic of Turkey: A comparative literature analysis. *International Conference on Sustainable Development & Multi-Ethnic Society*. 69-73. Malaysia. <https://doi.org/10.32698/GCS.0173>.
- Mahmud, M. (2013). *Konsep Pendidikan di Finlandia*. Jakarta: CV Grafika Medika.
- Mansor, M. N., & Khairul Ghufran, K. (2015). Keberkesanan mata Pelajaran Sejarah dalam membina Etos bangsa generasi muda di Malaysia. *Jurnal Komunikasi Borneo (Edisi Khas Konvokesyen ke-17 UMS)*, 29-46.
- Mard, N. (2021). History in multidisciplinary education: A case study in a Finnish primary school. *International Journal of Primary, Elementary and Early Years Education*, 5(49), 513-528.
- Mas Ayu, D. (2013). *Penggunaan buku teks di Sekolah Bestari: Tumpuan kepada Sekolah Bestari di Wilayah Persekutuan* (Tidak diterbitkan tesis PhD), Universiti Malaya.
- Mastura Badzis (2010). *Pendidikan Anak-anak di Peringkat Awal Umur Berasaskan Binaan Kurikulum yang Integratif*. Universiti Pendidikan Sultan Idris. Dimuat turun pada 15 Mac 2010 daripada <http://www.mindamadani.my>.
- Merriam, S. B., & Tisdell, E. J. (2016). *Qualitative research: A guide to design and implementation*. San Francisco, CA: Jossey Bass.
- Mikander, P. (2016). *Westerners and others in Finnish School textbooks* (Tidak diterbitkan tesis PhD), University of Helsinki.
- Ministry of Economic Affairs and Employment of Finland (2022). *Welcome to Finland*. Retrieved from <http://surl.li/oeyu>.
- Mohamad Rodzi, A. R. (2009). Pembinaan negara bangsa Malaysia: Peranan pendidikan sejarah dan dasar pendidikan kebangsaan. *Malaysian Journal of History, Politics & Strategy*, 36, 90-106.
- Mohd Samsudin & Shahizan, S. (2012). Pendidikan dan pengajaran mata pelajaran Sejarah di sekolah di Malaysia. *Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies*, 39 (2), 116-141.
- Morgan, H. (2021). Conducting a Qualitative document analysis. *The Qualitative Report*, 1(27). 64-77.
- Muhammad Ayisy, B., & Mohd Ashraf, I. (2019). Kesediaan pelaksanaan pengajaran abad ke-21 dalam kalangan guru pelatih Sejarah IPG Zon Selatan. *Jurnal Penyelidikan Sains Sosial (JOSSR)*, 2(5), 32 - 42.
- Muhammad Nurarif, I. (2019). *Pendidikan Politik di sekolah: Kajian kes di Sekolah Menengah Negeri Selangor* (Tidak diterbitkan tesis Sarjana), Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nik Rafidah, N.Y., & Roslinda, R. (2022). Analisis perbandingan kurikulum Matematik tajuk Ruang sekolah rendah di Malaysia dan Finland. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 7 (7).
- Niveetha M., Abdul Razaq, A., & Norasmah, O. (2021). Pendekatan kepelbagaiannya pengajaran dari aspek penyampaian, alat bantu mengajar, pedagogi dan peneguhan dalam pembelajaran Sejarah. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(1), 227-238.
- Nordgren, K. (2016). *Vems är historien? : Historia som medvetande, kultur och handling i det mångkulturella Sverige* (Tidak diterbitkan tesis PhD), Umeå Universitet.
- Norlida, S. (2021). Pengaplikasian Ruangan Tawarikh Di Dalam Subjek Sejarah Sebelum Kemerdekaan Malaysia:Tumpuan Terhadap Majalah Guru. *Ilmu Pendidikan*, 7(2), 380-390.
- Novianto, A. & Mustadi, A. (2015). Analisis buku teks muatan tematik integratif, scientific approach, dan authentic assessment sekolah dasar. *Jurnal Kependidikan Penelitian Inovasi Pembelajaran*, 45(1), 1-15.
- Nur Syazwani, A. T., Kamarulzaman, A. G., & Nur Azuki, Y. (2021). Keberkesanan aktiviti pembelajaran Sejarah di muzium: Satu kajian kes. *Journal of Malaysian Studies*, 1-19.
- Nurhijrah et al., (2021). Penerapan Nilai Patriotisme dalam Pengajaran Sejarah Sekolah Rendah: Cabaran Pelaksanaannya dalam Kalangan Guru Pelatih. *International Journal of Education and Training (InjET) 7 (Isu Khas)*, 1-8.

- Nurul Hafizah, M., Nurul Suzaina, J., Norfiza, A., Nor Syamilah, M. Z., & Roslinda, Y. (2022). Persepsi pelajar pintar dan berbakat terhadap penggunaan filem dalam pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) subjek Sejarah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(10).
- Ontas, T., & Eguz, S., & Yildirim, E. (2014). Reflections of political education on primary education classes. *International Online Journal of Educational Sciences*, 2(12). 324-340.
- Pacho (2014). Necessity of Political Education. *Internation Journal of Innovative Research and Studies*, 3(11), 10-17. Retrieved from [https://www.academia.edu/12246024/Necessity\\_of\\_Political\\_Education](https://www.academia.edu/12246024/Necessity_of_Political_Education).
- Pollari et al., (2018). In Teachers W Trust: The Finnish Way to Teach and Learn. *Inquiry in Education*, 1(10), 1-16.
- Rantala, J. (2012). How Finnish adolescents understand History: Disciplinary thinking in History and its assessment among 16-Year-Old Finns. *Education Sciences*, 2, 193-207.
- Rantala, J., & Soivio, O. (2020). *The Palgrave handbook of History and Social Studies education*. University of Helsinki: Palgrave Macmillan.
- Rautiainen, M., Räikkönen, E., Veijola, A., & Mikkonen, S. (2019). History teaching in Finnish general upper secondary schools: Objectives and practices. *History Education Research Journal*, 16(2), 291-305.
- Ritchie, L. J W., Soon, S. B, Balan, R., & Zulfikar, R. (2021). Integrasi permainan Media Word Wall dalam Pendidikan Sejarah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(4), 69 - 78.
- Rudiger, A. (2020). *Pathways to education sovereignty: Taking a stand for native children*. New York: Tribal Education Alliance
- Rupawan, A. (1990). Sejarah, masyarakat dan pendidikan. *Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies*, 18, 59-69.
- Sakki, I., & Anna-Maija, P. (2019). Aims in teaching history and their epistemic correlates: A study of history teachers in ten countries. *Pedagogy, Culture & Society*, 27(1), 65-85.
- Schulz, W., Ainley, J., Fraillon, J., Losito, B., Agrusti, G., & Friedman, T. (2016). *IEA International Civic and Citizenship Education Study 2016 International Report: Becoming citizens in a changing world*. Retrieved from <https://www.iea.nl/publications/study-reports/international-reports-iea-studies/becoming-citizens-changing-world>.
- Soininen, S. (2022). "The Trick and How to Do It." Teaching Historical Thinking in International Baccalaureate (IB) Classrooms in Finland. *Journal of Humanities and Social Science Education*, 3, 77-100.
- Tallavaara, R., & Rautiainen, M. (2020). What is important in history teaching? Student class teachers' conceptions'. *History Education Research Journal*, 17 (2), 229 - 42.
- Tan, A. H. (1997). Kurikulum Sejarah Sekolah Menengah Rendah (KBSM) Satu Kajian Terhadap Pemikiran Guru Mogenai Pernyataan Hasrat dan Pelaksanaanya. *Tesis Sarjana*. Universiti Sians Malaysia.
- Tang, G. L. (2005). Meningkatkan keupayaan pelajar mengingat fakta sejarah dengan menggunakan kaedah mnemonik. *Prosiding Seminar Penyelidikan Tindakan 2005*. Malaysia. <http://www.ipbl.edu.my/portal/penyelidikan/seminarpapers/SemAR2005/11%20%20tang%20mnemonik.pdf>.
- Taylor, S. J., & Bogdan, R. (1984). *Introduction to Qualitative Research Methods: The Search for Meanings Second Edition*. Toronto: Publisher John Wiley and Sons.
- The Economist Intelligence Unit. (2021). *Democracy Index 2021 in sickness and in health?*. Retrieved from <https://bit.ly/3Lex4Ak>.
- The Global Economy. (2021). *Democracy Index 2021: the China Challange*. Retrieved from <https://www.eiu.com/n/campaigns/democracy-index-2021/>.
- Torsti, P. (2008). To study the politics of history: Development of a typology of the political use of history. *Education & Time*, 2 (2), 61-71.
- United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization. (2022). *Countries by Education Index*. Retrieved from <https://rankedex.com/org-united-nations>.
- Virta, A. (2014). New and persisting challenges for History, Social Studies and Citizenship education in Finnish Compulsory Education highlights from recent assessments and research. *Revista Latinoamericana de Estudios Educativos*, 1(10). 49-66.
- White & Marsh. (2006). *Content Analysis: A Flexible Methodology*. Graduate School of Library and Information Science. University of Illinois at Urbana-Champaign.
- Willeck, C., & Mendelberg, T. (2022). *Education and political participation*. New Jersey USA: University of Princeton.
- Yasar Kop (2014). One of the Countries That Turkey Models: Finland Secondary Education Social Studies Curriculum. *International Education Studies*, 2(10), 15-25. Retrieved from <https://www.ccsenet.org/journal/index.php/ies/article/view/62004>.
- Zuraini, H., Ahmad Rafaai, A., & Abdul Razaq, A. (2011). Elemen hubungan antara kaum melalui buku teks sejarah sekolah menengah atas di Malaysia. Dlm. Abdul Razaq Ahmad & Anuar Ahmad (pnyt.). *Pendidikan & Hubungan Etnik*, 235-244. Bangi: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia